

28/09/1999

Pemulihan ekonomi: Suara Dr Mahathir tidak lagi janggal

A Kadir Jasin

LEBIH dua tahun sudah berlalu sejak krisis mata wang melanda Asia dan ekonomi negara mula pulih. Namun pengetahuan dan kefahaman umum mengenai kegawatan itu dan cara ia diatasi masih cetek.

Demikian pendapat Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melakukan sesuatu yang dianggap mustahil dan tidak masuk akal tahun lalu. September tahun lalu beliau mengambil risiko besar dengan melaksanakan kawalan modal terpilih dan kadar tukaran tetap.

Beliau melakukan ini setelah melihat banyak negara serantau menjadi muflis dan terpaksa meminta bantuan Tabung Mata Wang Antarabangsa (IMF) berikutan krisis mata wang yang bermula pertengahan 1997 itu. Pada pendapat beliau, keadaan menjadi begitu tenat dalam masa yang singkat kerana mereka gagal memahami punca sebenarnya masalah itu.

Ini menyebabkan mereka melaksanakan dasar yang tidak tepat dalam usaha melindungi nilai mata wang dan ekonomi mereka. Akhirnya mereka hilang kedua-duanya sekali - nilai mata wang mereka jatuh dengan teruk dan ekonomi mereka punah ranah.

Ada yang membelanjakan semua simpanan luar mereka untuk menyokong nilai mata wang masing-masing sehingga menjadi muflis dan tidak lagi mampu membayar hutang antarabangsa mereka. Ini memberi alasan kepada IMF masuk campur dalam urusan ekonomi mereka.

Yang mereka tidak sedar ialah IMF campur tangan bukan untuk menyelamatkan ekonomi mereka, tetapi untuk melindungi bank-bank asing, umumnya dari Barat, yang memberi hutang kepada mereka.

Pada peringkat awal krisis, banyak negara tidak sedar bahawa mata wang mereka sedang diserang secara terancang oleh peniaga mata wang yang mempunyai modal yang berkali ganda lebih besar daripada rizab kebanyakan negara membangun di dunia.

Malaysia sendiri pada awalnya mencuba mempertahankan nilai ringgit dengan menjual dolar Amerika dan membeli ringgit. Tetapi ketidakberkesanan langkah itu disedari lebih awal dan diberhentikan. Itu pun beberapa bilion dolar sudah digunakan.

Sekiranya langkah menyokong ringgit itu diteruskan, negara mungkin kehabisan rizab antarabangsa dan terpaksa memegang ringgit yang rendah nilainya dan tidak laku di pasaran antarabangsa.

Rizab antarabangsa adalah simpanan mata wang asing yang terdiri daripada mata wang yang kukuh dan diterima luas seperti Dolar Amerika, Pound Sterling Inggeris, Yen Jepun dan Deutschemark Jerman.

Simpanan mata wang asing ini diperlukan kerana negara kita adalah negara perdagangan yang besar. Malaysia adalah antara 20 negara perdagangan terbesar di dunia. Simpanan inilah antara fakta yang digunakan untuk mengukur kekuatan atau kelemahan ekonomi sesebuah negara. Lagi besar simpanan itu, lagi kuatlah negara itu.

Antara orang yang terawal menyedari bahawa kejatuhan nilai mata wang Asia yang bermula dengan Baht pada Julai 1997 berpunca daripada manipulasi oleh peniaga mata wang ialah Dr Mahathir.

Beliau pertama kali menuduh peniaga mata wang, khususnya George Soros, bertanggungjawab menjatuhkan nilai mata wang Asia dalam satu ucapan kepada ahli perniagaan di Okayama, Jepun pada Julai 1997 iaitu sebaik saja serangan ke atas Baht bermula.

Mulai saat itu, beliau membuat kesimpulan bahawa kaedah tradisional mempertahankan nilai mata wang tidak berkesan kerana nilainya tidak lagi

ditentukan oleh kuasa pasaran tetapi oleh manipulasi peniaga mata wang. Mereka benar-benar menjadikan mata wang, khususnya mata wang 'Harimau Asia' (Asian Tigers), sebagai bahan perniagaan.

Mata wang dijual beli seperti getah, minyak kelapa sawit, petroleum dan emas diniagakan.

Tetapi tidak seperti getah dan emas yang berbentuk fizikal dan sukar dipindahkan dari satu pasaran ke pasaran lain, mata wang boleh diniagakan tanpa perlu dipindahkan dari satu negara ke negara lain. Yang perlu hanyalah pemilikan ke atasnya.

Misalnya, walaupun kerajaan Singapura tahun lalu memiliki 15 bilion ringgit Malaysia, tidak semua jumlah itu disimpan secara fizikal di Singapura. Wang itu berada di Malaysia. Tetapi Malaysia tidak bebas menggunakannya kerana hak miliknya dipegang oleh kerajaan Singapura.

Dalam suasana di mana ekonomi dunia dikuasai negara maju, khususnya dari Barat dan kepentingan Barat menjadi keutamaan, cadangan Dr Mahathir agar perniagaan mata wang diharamkan atau setidak-tidaknya dikenakan kawalan antarabangsa, tentulah tidak mudah diterima.

Malah, jentera propaganda Barat, terutama media massanya, dengan serta merta dan lantang mengutuk cadangan beliau sebagai anti-pasaran bebas.

Hatta bekas timbalan beliau sendiri mempertikaikan saranan itu sebaik saja Dr Mahathir menyuarakannya di persidangan IMF/Bank Dunia di Hong Kong.

Sebaliknya bekas timbalan beliau itu (yang juga Menteri Kewangan) menerima pakai perakuan IMF walaupun Malaysia tidak menerima sebarang bantuan daripada badan antarabangsa itu.

Mulai November 1997, bekas Timbalan Perdana Menteri itu melaksanakan apa yang dipanggil virtual IMF (IMF maya) atas gesaan dan tunjuk ajar Pengarah Urusan IMF Michel Camdessus yang memang terkenal kawan baiknya.

Dalam sekelip mata, kadar faedah bank melambung sehingga melebihi 20 peratus, tempoh hutang lapuk dipendekkan daripada enam kepada tiga bulan dan pinjaman bank dibekukan.

Dalam sekelip mata juga, ekonomi yang menderita akibat serangan mata wang dan kejatuhan pasaran saham menjunam ibarat layang-layang putus tali dan syarikat-syarikat Malaysia diancam kemuflihan.

Bekas Timbalan Perdana Menteri dengan bangga memberitahu ahli perniagaan di New York April tahun lalu bahawa inilah yang dipanggil creative destruction (pemusnahan kreatif) ekonomi Asia kerana rasuah, kronisme dan nepotisme.

Ini jugalah slogan yang digunakan oleh kumpulan reformasi beberapa bulan kemudian di Perhimpunan Agung Umno 1998.

Kalau dunia sukar menerima kesimpulan Dr Mahathir mengenai punca kegawatan ekonomi Asia, dunia lebih sukar menerima cadangan beliau agar perniagaan mata wang diharamkan atau diletakkan di bawah kawalan antarabangsa.

Tidak hairanlah beliau dianggap "murtad" ekonomi apabila pada September tahun lalu beliau memeranjatkan dunia dan rakyat Malaysia sendiri dengan mengumumkan kawalan terhad modal dan mengharamkan perniagaan ringgit di luar negara.

Beliau dicap sebagai musuh pasaran bebas dan dasar beliau diramal akan menjadikan Malaysia 'orang buangan' ekonomi. Pelabur diramal meninggalkan Malaysia dan ekonominya mustahil pulih.

Tetapi setahun selepas dasar itu dilaksanakan, ekonomi Malaysia bukan saja mula pulih tetapi yang lebih melegakan ialah ia tidak menderita kesan negatif seperti ketidakstabilan politik, pergaduhan kaum, pengangguran dan inflasi seperti yang berlaku di beberapa negara yang menerima bantuan IMF.

Serentak itu Malaysia berjaya memulakan reformasi ekonomi, khususnya sektor perbankan, tanpa diarahkan oleh sesiapa dan tanpa menjual saham dan

harta kepada orang asing secara besar-besaran seperti di Korea Selatan dan Negara Thai.

Matlamat dan pencapaian dasar-dasar jangka panjang seperti Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pembangunan Nasional juga tidak dikorbankan dan proses pembasmian kemiskinan dan menyusun semula masyarakat dapat diteruskan.

Hatta IMF yang setahun lalu tidak yakin dengan kemampuan Malaysia membebaskan diri daripada kegawatan tanpa bantuannya, hari ini meramalkan kadar pemulihan yang lebih tinggi daripada yang diramalkan oleh Kerajaan sendiri.

Manakala Kerajaan meramalkan pertumbuhan satu peratus tahun ini, IMF dalam laporan terbarunya meramalkan ekonomi Malaysia akan tumbuh 2.4 peratus.

Bagi tahun depan, IMF meramalkan pertumbuhan ekonomi Malaysia mengatasi semua negara Asia Tenggara dan Asia Timur lain, termasuk Jepun, China dan Singapura. Ekonomi Malaysia diramalkan berkembang 6.5 peratus.

Di arena antarabangsa, perjuangan Dr Mahathir belum selesai tetapi suara beliau tidak sumbang lagi.

Apa yang dianggap gila setahun lalu kini menjadi kegilaan di kalangan banyak pihak. Mereka secara rambang memperakukan kawalan modal dan kadar tukaran tetap seperti dilaksanakan Malaysia sebagai penawar kepada krisis mata wang.

Pada masa yang sama, semakin banyak negara, termasuk negara-negara maju, mengakui keperluan diwujudkan arkitektur atau peraturan baru kewangan antarabangsa bagi memaksakan ketelusan dan kebertanggungjawapan ke atas peniaga mata wang.

Tetapi Dr Mahathir adalah antara orang terawal memberi amaran agar kawalan modal dan kadar tukaran tetap Malaysia tidak dicontohi secara membuta tuli. Beliau lebih setuju penyelesaian sejagat dicari dengan mewujudkan sistem antarabangsa mengawal-selia perdagangan mata wang.

Beliau memberi amaran tidak semua negara yang mata wangnya diserang mampu melaksanakan kawalan modal dan kadar tukaran tetap. Beberapa prasyarat seperti sistem ekonomi yang tersusun, simpanan luar yang kukuh dan pentadbiran yang cekap diperlukan terlebih dahulu.

Sebenarnya Indonesia adalah negara pertama yang secara serius mengkaji kemungkinan melaksanakan kawalan modal dan kadar tukaran tetap melalui apa yang dipanggil currency board atau lembaga kewangan. Tetapi ia tidak mempunyai keupayaan melaksanakannya.

Dr Mahathir mengambil risiko yang terancang (calculated risk) dengan melaksanakan kawalan modal dan kadar tukaran tetap. Risiko tinggi itu kini membuahkan hasil yang tinggi juga.

Beliau sekali gus menafikan teori pasaran bebas dan membuktikan bahawa ada cara lain menangani krisis kewangan dan memulihkan ekonomi.

Namun kita tidaklah boleh berpuas hati dan kembali leka kerana musuh ekonomi dan penjajah baru tidak akan mengaku kalah. Mereka akan terus mencuba mengganggu-gugat mana-mana negara juga yang berani mencabar kekuasaan mereka.

(END)